



## JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

### Bahagian Pengurusan Masjid

Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak)  
Jalan Sultan Iskandar  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon : 05-2548853  
Faks : 05-2418258  
E-mel : bahagianpengurusanmasjid@gmail.com

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(79)  
Tarikh: 25 Safar 1447H  
19 Ogos 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	22 Ogos 2025 / 28 Safar 1447
Tajuk	Pendermaan Organ: Memulih Kehidupan – Jariah dan Manfaat Berterusan

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “PENDERMAAN ORGAN: MEMULIH KEHIDUPAN – JARIAH DAN MANFAAT BERTERUSAN”

22 Ogos 2025 / 28 Safar 1447

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدًى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْكُمْ يَوْمَ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْ صَيْنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Ilahi,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Sempena minggu kesedaran pendermaan organ yang disambut pada 16 hingga 23 Ogos, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: “PENDERMAAN ORGAN: MEMULIH KEHIDUPAN – JARIAH DAN MANFAAT BERTERUSAN”

Firman Allah SWT:

...مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَيْأَنَّمَا قَاتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ...  
 أَحْيَا هَا فَكَيْأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Bermaksud: "...Sesiapa yang membunuh seorang manusia tanpa alasan yang membolehkan untuk membunuh orang itu, atau bukan kerana (dia) membuat kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh seluruh manusia. Dan sesiapa yang menghidupkan (memelihara kehidupan) seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan seluruh manusia.

(Surah al-Maidah ayat 32)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Organ ialah bahagian dalaman dan luaran yang membentuk tubuh badan manusia seperti jantung, hati, buah pinggang, mata, kulit dan sebagainya. Organ yang berfungsi dengan sihat, membolehkan manusia menjalani kehidupan harian dan beribadah dengan sempurna. Namun, atas beberapa sebab, organ berkemungkinan gagal berfungsi dengan baik sekali gus menjelaskan kesihatan tubuh badan. Atas kesedaran tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia menganjurkan Kempen Kesedaran Pendermaan Organ, dengan harapan ummah akan lebih terbuka bersedia mendermakan organ.

Pesakit yang mengalami kegagalan organ boleh diselamatkan melalui kaedah rawatan pemindahan organ; iaitu menggantikan organ yang berpenyakit atau rosak dengan organ yang sihat. Ramai pesakit berjaya diselamatkan melalui organ yang dipindahkan ke tubuh mereka, antaranya pesakit yang mengalami kegagalan peranan buah pinggang, hati, jantung dan sebagainya. Namun begitu, rawatan ini mustahil dilakukan jika tidak ada penderma organ atau tiada persetujuan waris setelah pengikrar derma organ meninggal dunia. Oleh kerana itu, Kementerian Kesihatan Malaysia menetapkan tema "Warisku Hormati Ikrarku" bagi menggalakkan waris bersetuju dengan hasrat pengikrar seterusnya membolehkan proses pemindahan organ dilakukan.

Sehingga bulan April 2025, seramai 10,036 orang pesakit, sedang berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan organ baharu. Daripada jumlah tersebut, 99.7 peratus bersamaan 10,004 orang pesakit, termasuk 352 orang kanak-kanak memerlukan organ buah pinggang. Berbaki 22 orang pesakit sedang menunggu untuk mendapatkan organ jantung dan paru-paru, sementara 10 orang pesakit memerlukan organ hati.

Berdasarkan rekod Hospital Kuala Lumpur, bermula tahun 1976 sehingga April 2025, terdapat hanya 1000 orang penderma organ yang dapat dimanfaatkan selepas kematian mereka. Daripada angka tersebut, hanya 151 orang penderma organ, bersamaan lima belas peratus sahaja yang beragama Islam. Angka ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah pesakit yang memerlukan organ gantian, juga terlalu rendah jika dibandingkan dengan 405,000 jumlah keseluruhan pengikrar yang berdaftar.



## Jemaah yang dikurniai kesihatan tubuh badan,

Syariat Islam amat mengutamakan penjagaan nyawa, bertepatan dengan *Maqasid Syariah* iaitu '*Hifz al-Nafsi*'. Ayat 32 surah al-Maidah yang khatib bacakan pada awal khutbah menunjukkan ketinggian nilai nyawa manusia dan kemuliaan bagi mereka yang membantu memelihara nyawa. Ummah yang ikhlas menderma organ dengan niat menghulurkan bantuan kepada saudaranya yang sedang dalam kesusahan adalah ummah yang berhati mulia dan insya-Allah diganjari kelebihan selaras dengan sabda Rasulullah SAW;

مَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ  
إِكْمَالًا كُرْبَةً مِنْ كُرْبٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: "Sesiapa yang membantu mencukupkan keperluan saudaranya, maka Allah pula membantu mencukupkan keperluannya. Sesiapa yang melepaskan kesulitan seorang Muslim, maka Allah melepaskan pula kesusahannya kelak pada hari kiamat."

(Hadis Riwayat Muslim)

Persidangan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1970, membenarkan atau mengharuskan pemindahan organ. Hukum yang sama juga diputuskan oleh badan-badan fatwa antarabangsa seperti *Majma' Fiqh al-Islami* dan *Lajnah Da'imah* Arab Saudi. Keharusan hukum tersebut disyaratkan mendapat persetujuan ahli keluarga si mati dan pemindahan organ tersebut menjadi ikhtiar yang dituntut demi membantu menyelamatkan nyawa penerimanya.

(دِرَاعَةُ الْأَعْضَاءِ فِي ضَوءِ الشَّرِيعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ) Dr Yusuf al-Qaradhawi dalam karyanya

menyebut bahawa menderma anggota badan sama hukumnya dengan menderma harta benda malah boleh didermakan kepada orang Islam ataupun bukan Islam selama mana hidup aman damai dalam kalangan kaum Muslimin. Mengambil kira kehidupan bermasyarakat di negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum dan pegangan agama, maka diharuskan menderma organ sama ada kepada orang Islam atau bukan Islam. Namun mengutamakan organ milik orang Islam



untuk didermakan kepada orang Islam itu lebih baik kerana kehidupannya digunakan untuk beramal soleh mentaati Allah SWT.

Menderma organ merupakan satu ibadah jariah, amalan yang sangat terpuji. Menderma organ merupakan satu ikhtiar untuk menyelamatkan nyawa manusia dan memberikan kehidupan baharu kepada mereka. Melalui organ yang didermakan, kita mungkin dapat membantu menyelamatkan seorang bapa yang menjadi tempat pergantungan ahli keluarganya, seorang ibu yang amat diperlukan oleh anak-anak yang masih kecil, seorang guru yang berkemahiran tinggi, begitu juga insan-insan soleh yang menabur bakti kepada ummah.

**Jemaah Rahimakumullah** Mimbar menyenaraikan kesimpulan berikut:

**Pertama:** Menderma organ merupakan ibadah jariah, amalan terpuji selaras dengan *Maqasid Syariah* sebagai ikhtiar yang dituntut untuk menyelamatkan nyawa pesakit atau meringankan beban tanggungan pesakit. Contohnya, menderma organ buah pinggang yang sihat boleh membantu meringankan beban pesakit, sekali gus membebaskan mereka daripada terpaksa menanggung kos rawatan yang tinggi setiap kali menjalani rawatan dialisis. **Kedua:** Proses pendermaan organ tidak akan berjaya jika ahli waris tidak bersetuju meneruskan hasrat murni pengikrar. Mimbar menyeru waris menghormati hasrat pengikrar, untuk organ dipindah milik kepada yang memerlukan, sebagai ikhtiar memulihkan kehidupan pesakit, di samping asbab pahala yang berkekalan mengalir kepada roh pengikrar yang organ mereka berjaya didermakan setelah mereka meninggal dunia. **Ketiga:** Ummah boleh mendapatkan maklumat berkaitan pendermaan organ melalui laman sesawang [www.dermaorgan.gov.my](http://www.dermaorgan.gov.my). Menjadi ibadah besar fardhu kifayah kepada pengikrar yang mendaftar diri sebagai pengikrar derma organ melalui aplikasi MySejahtera.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
 وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup>  
 وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى الَّتِي يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
 عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ  
 حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ  
 وَالْفُرْقَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ</sup>.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْرَانَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينِ، وَاحْفَظْ  
 أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Syafi** Hidupkan sifat ihsan dalam jiwa kami agar kami saling bantu membantu meringankan beban pesakit yang memerlukan organ dan bantuan. Melalui organ yang didermakan jadikannya sebagai asbab untuk kami dipermudahkan urusan di akhirat dan dimasukkan ke syurga.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ  
 عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَاتُ وَإِلَيْهِ أُتَيَى ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَإِذْكُرُوهُ عَلَى  
 نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.